

# Kemakmuran bersama yang saksama

11m-4/10/2019 m/d: 13



Noor Azlan Ghazali

**K**EMAKMURAN Bersama kali pertama diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei lalu setelah genap setahun Pakatan Harapan membentuk kerajaan.

Ia akan menjadi landasan utama pembentukan polisi dan program pembangunan negara merangkumi semua aspek sosioekonomi dan menjadi dasar yang juga meliputi dua Rancangan Lima Tahun Malaysia iaitu RMK-12 dan RMK-13 (2021-2030). Ketika diumumkan, Dr. Mahathir menggariskan Tujuh Teras utama Kemakmuran Bersama.

Ringkasnya, sejak 1970, pembangunan negara dilandaskan kepada empat dasar iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB: 1970-1990), Dasar Pembangunan Nasional (DPN: 1991-2000), Dasar Wawasan Negara (DWN: 2001-2010) dan Dasar Transformasi Nasional (DTN: 2011-2020). Tidak dapat dinafikan, penelitian dokumen-dokumen dasar yang telah dihasilkan, terutama dokumen-dokumen dasar sektoral (seperti perumahan, keusahawanan, automotif, pendidikan, pembangunan luar bandar, sukan, perindustrian dan sebagainya) membayangkan kita seolah-olah sudah mengetahui semuanya, sudah kehabisan idea dan kadangkala yang baharu hanyalah istilah dan terma serta susun atur dan nadanya.

Sudah mula terdengar keluhan, dokumen dasar umpama ular bersalin kulit khususnya dokumen dasar sektoral, kerap bertukar tanpa dinilai pelaksanaan dan pencapaian sebelumnya. Yang menjadi hambatan sebenar adalah pelaksanaan berkesan, mencapai sasaran dan menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti, membawa negara ke peringkat lebih baik. Kita mengharapkan Kemakmuran Bersama akan membawa wibawa baharu dalam perancangan dasar negara, bukan sahaja kerangka, idea dan strategi baharu, malah dituruti dengan perancangan pelaksanaan, pemantauan dan penilaian teratur dan berkesan sepadan dengan laungan Malaysia Baharu.

Setiap kali satu dasar

baharu dibentuk, akan ada beberapa fokus utama baharu yang diberi laungan sebagai tema besar. Umpamanya, penyusunan semula kekayaan, pembasmian kemiskinan, ekonomi berasaskan pengetahuan, globalisasi dan liberalisasi, aplikasi sains dan teknologi, inklusif, modal insan, inovasi dan kreativiti, transformasi, keusahawanan dan ekonomi digital. Di samping status dan keutamaan dalam negara yang dicerminkan oleh keresahan dan harapan rakyat, tema-tema ini juga lazimnya diselaraskan dengan era global ia dilancarkan. Dahulunya penswastan, K-ekonomi, kini Revolusi Industri 4.0, Ekonomi Digital, pastinya menjadi antara pengisian Kemakmuran Bersama.

## FOKUS WAWASAN BAHARU

Esok, Sabtu 5 Oktober 2019, Dr. Mahathir akan melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Apakah yang bakal menjadi antara fokus utama wawasan baharu ini? Bagaimanakah perinciannya? Apakah sasaran utama yang ingin dicapai oleh WKB? Apakah fokus yang akan dilaungkan? Kita tak sabar menanti hari esok. Banyak yang ternanti kerana tidak begitu banyak dikongsi sejak 5 Mei lalu.

Berbeza dengan pembentukan Model Baharu Ekonomi (MBE) yang mendasari Dasar Transformasi Nasional (DTN), kerajaan kini memilih cara agak berbeza. Ketika MBE dibentuk, formalitinya lebih jelas. Majlis Penasihat Ekonomi Nasional (NEAC) yang dipengerusikan oleh Tan Sri Amirsham ditubuhkan untuk membangunkan model baharu bagi negara bagi dipertimbangkan oleh kerajaan.

Proses dan gerak kerja NEAC dilaporkan kepada umum dan pelbagai sesi perbincangan dan pertemuan diadakan untuk mendapat pandangan daripada sebanyak mungkin pemegang taruh meliputi pelbagai kelompok masyarakat. Prosesnya bersifat



**engaging** dan kemudiannya digarab membentuk satu model baharu. Laporan pertama diumumkan pada 31 Mac 2010. Saya masih ingat banyak perdebatan, setuju dan tidak setuju, suka dan tidak suka, pelbagai pandangan balas dilontarkan, proses lazim dalam membangunkan satu kerangka dasar untuk sebuah negara. Laporan akhir MBE dikeluarkan Disember 2010. Kaedah membentuk dasar baharu adalah pilihan, ada banyak cara, kita hormati. Pastinya banyak perbincangan dan diskusi dibuat untuk membentuk Wawasan Kemakmuran Bersama, hanya mungkin tidak diuar-uarkan kepada umum.

Berdasarkan kenyataan akhbar yang dibuat selepas mesyuarat khas Kabinet pada 14 September lalu yang membincangkan draf Wawasan Kemakmuran Bersama, yang pastinya 'menangani jurang' antara tonggak utama. Dr. Mahathir menyatakan keprihatinan kerajaan terhadap jurang yang semakin melebar; antara negeri maju-negeri kurang maju, antara bandar-luar bandar dan juga antara kaya-miskin. Jurang yang melebar dilihat sebagai permasalahan utama negara yang bukan sahaja mencetus keresahan rakyat tetapi juga berkemungkinan menjadi

penghalang kepada pertumbuhan mampan. Perpaduan juga semakin rapuh apabila manfaat pembangunan tidak seimbang dan ada yang rasa terpinggir. Rata-rata takrifan dan perbincangan umum

Kemakmuran Bersama menjurus kepada isu menangani jurang, menjurus kepada pengagihan pembangunan dan kekayaan. Fokus lebih tertumpu kepada bagaimana untuk memotong dan mengagihkan kek ekonomi dan tidak ramai membincangkan bagaimana untuk 'bersama' menghasilkan kek yang lebih besar, sedap rasanya dan dapat dimanfaatkan semua.

## PERKONGSIAN KEK

Perlu ditekankan bahawa empat teras pertama daripada tujuh teras Kemakmuran Bersama yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir pada 9 Mei lalu adalah menjurus kepada menjayakan pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi dan mampan - menghasilkan kek besar! Perkongsian kek adalah tiga teras seterusnya.

Pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama esok diharap memberi pentakrifan lebih jelas mengenai maksud dan objektif Kemakmuran Bersama, perincian untuk setiap teras serta juga keutamaan-keutamaan berkaitan termasuk pemboleh daya untuk menggerakkan setiap satu teras ini.

Ringkasnya, empat teras pertama yang digariskan oleh Dr. Mahathir ialah ekosistem perniagaan dan industri; sektor pertumbuhan baharu; bakat dan sumber tenaga; pasaran buruh dan pendapatan pekerja. Ini diikuti oleh tiga teras yang bersifat 'perkongsian' iaitu kesejahteraan sosial; pembangunan wilayah inklusif dan modal sosial masyarakat. Adakah Tujuh Teras ini kekal sama? Kita nantikan esok.

Menangani jurang adalah perkara yang penting, namun ia perlu dilaksanakan dengan polisi dan strategi berkesan dan meminimumkan

sebarang kemungkinan kesan negatif, khususnya sifat (*behavior*) yang berkemungkinan tercetus dalam kalangan masyarakat. Ia mesti dilaksanakan secara produktif, memberi peluang untuk berjaya dan bukannya mewujudkan sifat terlalu bergantung kepada kerajaan, malas berusaha dan sering menyalahkan orang lain.

## JURANG DIHAPUSKAN?

Menjajikan jurang dihapuskan secara mutlak tidak begitu tepat. Kita perlu berhati-hati agar tidak terperangkap menjadi negara cenderung sosialis yang meletakkan semua sama (tiada jurang) sebagai matlamat utama. Jurang mula menjadi buruk dan perlu dikurangkan apabila ia keterlaluan, terlalu melebar, menghalang pembangunan dan melemahkan perpaduan. Jurang perlu dihapuskan secara mutlak ialah jurang yang wujud akibat daripada ketidaksaksamaan peluang untuk berjaya. Sebagai contoh, berdasarkan Penyasatan Pendapatan Isirumah 2016, pendapatan penengah isi rumah negeri Kelantan adalah yang terendah iaitu RM3,079 manakala di Selangor ialah RM7,225. Jurang sebanyak RM4,146 antara Selangor dan Kelantan pastinya berpunca daripada ketidaksaksamaan pembangunan infrastruktur dan akses kepada perkhidmatan yang berkualiti. Data juga menunjukkan, penghijrahan tenaga kerja dari Kelantan menumpu ke Selangor dan Johor, mencari 'peluang yang berkualiti'. Kesaksamaan peluang untuk kumpulan berpendapatan rendah B40, masyarakat luar bandar dan negeri yang kurang maju perlu diutamakan.

Kumpulan masyarakat, penempatan dan negeri yang terpinggir perlu di beri keutamaan dalam peningkatan modal insan dan pembangunan infrastruktur ekonomi dan aspek-aspek utama kualiti kehidupan. Akses kepada peluang menjayakan diri dan perkhidmatan yang berkualiti perlu ditingkatkan.

Peluang untuk bersama menghasilkan kek ekonomi oleh semua mesti dijadikan keutamaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama, diberi secara saksama bukan semuanya sama.

**PROFESOR TAN SRI DR. NOOR AZLAN GHAZALI** ialah Profesor Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).